

# Apa lagi MCA mahu?

**M**CA perlu membuktikan bahawa mereka mendapat sokongan Cina, barulah boleh menuntut ini dan itu. Jika tidak, tidak perlu terlalu bisbing sangat.

Buatlah kajian akademik kenapa MCA, mahupun Gerakan dan SUPP tidak mendapat perhatian orang Cina. Isu Cina babi dan sekolah vernakular yang dibangkitkan, perlu juga dilihat secara positif, kenapa Melayu memberi respons sedemikian, tentu ada sebab.

Melayu Islam yang saya kenali tidak akan mengeluarkan kata-kata kesat jika mereka tidak marah. Melayu pantang dicabar dan rasa tercabar. Cuba fahami psiko orang Melayu sebagaimana saya fahami.

Sudah acap kali saya sebut dalam ceramah dan tulisan bahawa saya amat tidak bersetuju dengan kata-kata kesat stereotaip seperti 'Cina babi', 'Cina mampus', dan sebagainya.

Tidak kurang pula yang memuji seperti Cina rajin, Cina pandai berniaga dan pujian positif yang lain. Justeru, janganlah terlalu sensitif, sehingga terlalu memaksa.

Apabila PM berkata, SJK akan terus kekal dalam sistem pendidikan, maka buatlah penambahbaikan supaya operasi tidak terlalu kecinaan, sehingga lebih Cina daripada Cina di negara China.

Biar pelat sedikit dalam bahasa ibunda, tak apa.

A salkan bahasa kebangsaan dimartabatkan. Begitu juga, jika mahu UEC diiktiraf,

maka ikutlah syarat-syarat KPM. Kenapa susah sangat mahu memenuhi permintaan KPM? Bukan mahu mengasimilasikan orang Cina.

Pernahkah kajian dibuat, kenapa pelajar berada dalam universiti awam mahupun swasta, masih lagi hidup dalam kotak perkumpulan. Pergi ke kelas, duduk sesama mereka, keluar kelas, ke kantin sesama mereka. Boleh dikatakan, kita akan nampak dengan jelas tompok, putih, hitam, antara keduanya, di dalam dan di luar kelas.

Tertalu obses dengan jawatan dan mahukan itu dan ini juga membahayakan sebab mencabar kesabaran Melayu. Orang Melayu diminta berkorban, sedangkan diri sendiri tidak menampakkakan pengorbanan tersebut.

Ikutlah tindak-tanduk Parti Progresif Penduduk (PPP), bersedia melepaskan kerusi yang ditandinginya kepada Gerakan jika itu yang diminta. PPP bukan sebuah parti yang mementingkan kerusi. Sebaliknya mementingkan perpaduan dalam BN dan semangat kerjasama untuk memastikan kemenangan BN.

Pada PRU13, PPP gagal memenangi

semua kerusi yang diambil daripada Gerakan. Apakah Gerakan boleh memenangi kerusi tersebut jika diberi semula? Seperti syor saya minggu lalu kepada MCA, Gerakan juga tidak layak untuk menduduki kerusi Kabinet berasaskan kepada prestasinya. Namun, diberi juga atas nama setia kawan.

Berbalik kepada MCA, cadangan agar kerajaan mewujudkan Majlis Rekonsiliasi Tadbir Urus Politik, Hal Ehwal Agama dan Perpaduan bagi menyelesaikan isu ketegangan kaum, perbezaan fahaman agama dan sosioekonomi masyarakat, tidak perlu kerana kita sudah ada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNN). Perkukuhkan JPNN. Ketuanya juga adalah orang Cina.

MCA juga mendesak mahu menubuhkan sebuah Bank Koperasi Kojadi bagi memperkasakan pembangunan ekonomi dan transformasi secara berkeson. Mungkin mahu mencontohi kejayaan Bank Rakyat. Tak puas lagi dengan apa yang ada? Apa lagi MCA mahu?

Bayangkan selepas ini semua parti BN mahu menubuhkan bank koperasi, apakah kerajaan juga akan tunduk? Cadangan saya, jutawan-jutawan MCA, tampillah membantu orang Cina. Bayangkan daripada 40 terkaya di Malaysia, hampir 30 ialah orang Cina, masih tidak mampu untuk bantu orang Cina yang lain sehingga terpaksa tubuh bank?

Zaman globalisasi hari ini kerajaan sibuk

untuk mengecilkkan bilangan bank, MCA pula mahu menambah bank. Kenapa begitu ultra kiasu.

Janganlah terlalu fokus kepada ekonomi sangat kerana kedudukan orang Cina secara puratanya sudah teguh. Jika mahu fokus pun, tumpukan kepada Cina yang masih gelandangan atau mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah. Tidak perlu menyenangkan lagi yang sudah kenyang.

Fokus utama kini adalah fikirkan bagaimana mahu merapatkan hubungan kaum Cina-Melayu terutama melalui pendidikan. Bantulah kerajaan untuk memberikan kefahaman kepada NGO ultra kiasu, terutama penambahbaikan SJK supaya operasinya tidak terlalu kecinaan seperti saya syorkan minggu lalu.

Jika asimilasi itu sudah ditolak sepenuhnya, integrasi dan akomodasi yang menjadi keutamaan, lakukan yang terbaik untuk menjunjung agenda negara, bukan mewujudkan negara dalam negara.

Jika perkara ini tidak diperbaiki, tidak mustahil akan muncul banyak lagi perhimpunan baju merah melawan kuning. Perkataan yang lebih kesat akan keluar. Ketika itu tidak-guna lagi beremosi.

*\* Prof Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah,  
INSPIRE/PP1, UNISZA*